

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

06.02.2015

KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

DASAR AUTOMOTIF NASIONAL 2014: PENCAPAIAN DAN STATUS PELAKSANAAN

Pada 30 Januari 2015, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), YB Dato' Sri Mustapa Mohamed mengumumkan pencapaian dan status pelaksanaan Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014. Beliau menjelaskan semula bahawa fokus ke arah kenderaan bertenaga efisien (EEV) adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab ASEAN untuk EEV, membangunkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan untuk kenderaan pemanduan sebelah kanan (RHD) dan teknologi berkaitan seperti kecekapan bahan api, bahan ringan, telematik, alat dan mereka bentuk komponen dan alat.

Beliau berkata bahawa industri automotif Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.6% pada tahun 2014, dengan jumlah jualan keseluruhan industri (Total Industry Volume, TIV) sebanyak 666,465 unit, berbanding dengan 655,793 unit pada tahun sebelumnya. Pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan automotif berjumlah RM11.5 bilion serta RM2.6 bilion dalam sektor selepas jualan dan perkhidmatan. Daripada pelaburan ini, sebanyak RM4.9 bilion telah direalisasikan sehingga akhir tahun 2014, dengan meningkatkan kapasiti pengeluaran kenderaan sebanyak 70,000 unit setahun. Pelaburan ini telah bermula pada tahun 2013 dan dijangka siap pada tahun 2018. Ini akan meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran sedia ada daripada 600,000 unit kepada 923,000 unit. Sejumlah lapan pengeluar kenderaan terlibat dalam pelaburan ini.

Beliau juga berkata bahawa tahun 2014 juga telah menyaksikan penurunan harga kereta sebanyak 7.015% secara purata bagi semua model dan varian yang diperkenalkan pada tahun 2014. Perbandingan ini dibuat antara harga atas jalan baharu dan sebelumnya. Secara purata harga kereta telah menurun sebanyak 4.97% pada tahun 2013. Harga kereta yang lebih rendah telah memanfaatkan hampir 72.5% daripada pembeli kereta pada tahun 2014.

KOMEN MSWG:

Trend penurunan harga kereta menimbulkan rasa gembira di kalangan orang ramai terutamanya pembeli kereta yang semestinya mengalu-alukan perkembangan ini.

Buat pertama kali dalam tahun 2014, kita telah melihat bahagian pasaran pembuat kereta tempatan telah berkurangan sebanyak kira-kira 2% disebabkan oleh jenama-jenama kereta asing. Trend penurunan harga jenama kereta asing juga akan memberikan saingan kepada pembuat kereta tempatan di masa hadapan.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

LAY HONG BERHAD (LHB)

Pada 4 Februari 2015 Lembaga Pengarah LHB telah mengumumkan bahawa Syarikat telah bercadang untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- cadangan penempatan persendirian sehingga 15,750,000 saham biasa baharu sebanyak RM1.00 sesaham di dalam LHB, mewakili sehingga tiga puluh peratus (30%) modal saham diterbitkan dan berbayar LHB yang diperbesarkan (tidak termasuk saham perbendaharaan, jika ada) (Cadangan Penempatan Persendirian);
- cadangan penamatan skim opsyen saham eksekutif yang sedia ada (Cadangan Penamatan ESOS); dan
- cadangan penubuhan skim terbitan saham yang baharu sehingga lima belas peratus (15%) daripada modal saham yang diterbitkan dan berbayar Syarikat (tidak termasuk saham perbendaharaan, jika ada) pada sebarang tempoh waktu bagi Pengarah dan kakitangan LHB dan subsidiari-subsidiari yang layak (Kumpulan LHB atau Kumpulan) (tidak termasuk subsidiari yang tidak aktif) (Cadangan SIS).

(Secara kolektif dirujuk sebagai Cadangan-Cadangan).

KOMEN MSWG:

Cadangan penempatan persendirian sehingga 30% daripada modal saham diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan adalah agak besar dan dijangka akan meraih hasil kutipan kasar sehingga RM48.98 juta. Pemegang saham mungkin tidak terlalu bimbang dengan penjanaaan dana melalui penempatan persendirian jika ianya bertujuan untuk memenuhi keperluan modal kerja dan digunakan secara efektif untuk menjana peningkatan pendapatan dan membawa nilai tambahan kepada Kumpulan.

Walaupun bagaimanapun, akan terdapat kecairan signifikan di dalam pendapatan sesaham (EPS) dan aset bersih (NA) serta pegangan saham pemegang saham yang sedia ada. Satu isu relevan adalah berapa pantas peningkatan pendapatan akan dapat mengurangkan kecairan di dalam EPS dan NA dan akhirnya membawa Kumpulan kembali kepada situasi sebelum penempatan persendirian dan seterusnya meningkatkan prestasi dari kedudukan tersebut. Satu lagi isu yang mungkin perlu dilihat oleh pemegang saham adalah identiti pelabur penempatan persendirian dan kelayakan mereka.

IJM LAND BERHAD (IJM LAND) / IJM CORPORATION BERHAD (IJM CORP)

EGM berkaitan Cadangan Penswastaan IJM Land oleh IJM Corp yang akan dilaksanakan melalui skim penyusunan akan diadakan pada hari Khamis, 12 Februari 2015.

KOMEN MSWG:

Pada 8 Januari 2015, IJM Corp telah mengadakan EGM di mana resolusi bagi cadangan penswastaan IJM Land telah diluluskan melalui pengundian secara poll di mana keputusan menunjukkan bahawa 100% telah menyokong resolusi tersebut.

EGM IJM Land yang akan datang ini mewakili pihak sebelah lain pula di mana sekarang pemegang saham IJM Land perlu membuat keputusan mengenai resolusi cadangan penswastan tersebut.

Penasihat Bebas (IA) di dalam surat pekeliling kepada pemegang saham skim IJM Land berpendapat bahawa cadangan penswastan tersebut adalah adil dan munasabah dan mengesyorkan supaya pemegang saham mengundi untuk menyokong resolusi tersebut. Berdasarkan maklumat yang ada, IA menyatakan bahawa nisbah pertukaran adalah lebih daripada nisbah pertukaran yang didapati daripada nilai saksama saham IJM Land dan berada di tengah-tengah julat nilai saksama bagi saham IJM Corp. Tiada cadangan alternatif lain yang diterima dan adalah munasabah untuk mengundi untuk menyokong resolusi tersebut memandangkan sebagai pemegang saham, antaranya, akan dapat pendedahan terus kepada IJM Corp dan prospek masa hadapannya, dan mendapat manfaat daripada kepelbagaian perniagaannya serta saham yang mempunyai kecairan yang lebih tinggi.

MALAYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD (MRCB)

Mesyuarat-mesyuarat Agung Luar Biasa berkaitan dengan Cadangan Langganan sebanyak 70,000 saham biasa baharu, mewakili 70% kepentingan ekuiti di dalam Kwasa Development (2) Sdn. Bhd., Cadangan Pelupusan Platinum Sentral kepada Quill Capital Trust oleh MRCB Sentral Properties Sdn Bhd dan Cadangan Pengambilalihan sebanyak 41% kepentingan di dalam Quill Capital Management Sdn Bhd oleh MRCB akan diadakan pada hari Khamis, 12 Februari 2015.

KOMEN MSWG:

Cadangan langganan saham oleh MRCB di dalam syarikat tujuan khas (SPV) yang akan ditubuhkan untuk melaksanakan pembangunan campuran Perbandaran Kwasa Damansara adalah wajar dari segi komersial memandangkan kedudukan projek tersebut yang strategik dengan hubungan kepada jalan-jalan utama dan dua (2) stesen MyRapid Transit (MRT). Walau bagaimanapun, antara faktor-faktor risiko adalah MRCB mungkin bimbang mengenai keberhutangan Kumpulan di mana nisbah hutang ekuiti dijangka meningkat daripada 2.10 kali kepada 2.53 kali. Ini akan menjadi lebih buruk jika kadar faedah meningkat dan seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham, MRCB perlu terus mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengurangkan risiko dengan sentiasa mengkaji tahap keberhutangan dan memantau rapi aliran tunai dan jadual pembayaran hutang.

Pembayaran langganan dianggap sebagai munasabah meskipun terdapat premium disebabkan oleh, antaranya, proses bidaan yang kompetitif, potensi peningkatan harga yang mungkin timbul daripada projek-projek di masa hadapan di dalam Perbandaran tersebut, dan prospek projek.

Cadangan Pelupusan Platinum Sentral akan membolehkan MRCB untuk meningkatkan nilai dan merealisasikan pelaburannya di dalam Platinum Sentral dengan jangkaan keuntungan proforma antara kira-kira RM219.3 juta hingga kira-kira RM223.8 juta. Jumlah pertimbangan bagi pelupusan tersebut adalah berdasarkan nilai pasaran Platinum Sentral seperti yang dinilai oleh Jurunilai Hartanah Bebas

Cadangan Pengambilalihan sebanyak 41% kepentingan ekuiti di dalam Quill Capital Management Sdn Bhd (QCM) akan membolehkan MRCB untuk muncul sebagai pemegang saham terbesar di dalam QCM, Pengurus REIT yang menguruskan operasi dan menguruskan Quill Capital Trust (QCT) serta masih mempunyai pengaruh di dalam operasi Platinum Sentral.

Dengan penjarangan semula hartanah ini, perbezaannya adalah daripada mempunyai pemilikan terus dan kawalan di dalam Platinum Sentral sebelum Cadangan-cadangan ini, MRCB akan mempunyai kepentingan tidak langsung di dalam Platinum Sentral dan kesemua aset hartanah lain di bawah QCT yang diperbesarkan.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Shahnul Niza Bin Dato' Dr. Mohd Yusof, Pengurus, Pemantauan Korporat shahnul.niza@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.